



Bank Pilihan Anda

## SOALAN LAZIM

### PROGRAM PEMBIAYAAN BRPLUS-i

#### 1) Apakah itu Program Pembiayaan BRPLUS-i?

Program Pembiayaan BRPLUS-i merupakan program pembiayaan untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan koperasi bagi menampung modal kerja dan/atau perbelanjaan modal bagi mengembangkan perniagaan mereka.

#### 2) Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan menerusi untuk program ini?

- Pembiayaan Berjangka-i
- Pembiayaan Cashline-i

#### 3) Apakah kadar dan had pembiayaan untuk program ini?

Segmen	Kadar Pembiayaan	Had Pembiayaan
Mikro	7.50% kadar rata setahun	Sehingga RM50,000.00
Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) & koperasi	Kadar asas pembiayaan (KAP) + 1.5% setahun (Termasuk yuran jaminan)	RM50,001 sehingga RM1 juta

#### 4) Adakah terdapat insentif tambahan yang ditawarkan kepada usahawan menerusi program ini?

Program ini menawarkan insentif pengurangan 1% kadar keuntungan eksklusif kepada PMKS dan koperasi yang mengamalkan unsur kelestarian.

- Nota : Tertakluk kepada klasifikasi perubahan iklim dan prinsip berasaskan taksonomi

#### 5) Berapa lamakah tempoh pembiayaan bagi program ini?

Kategori	Tempoh Pembiayaan
Mikro	Sehingga 5 tahun
PKS dan Koperasi	Sehingga 7 tahun



**6) Adakah terdapat perlindungan jaminan bagi program ini?**

Ya. Jaminan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).

**7) Berapakah yuran jaminan untuk permohonan pembiayaan ini?**

Yuran jaminan bermula serendah 1% setahun.

**8) Apakah kriteria kelayakan untuk program ini?**

Mikro
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun dengan aktiviti perniagaan yang serupa.</li> <li>• Rekod CTOS dan CCRIS yang memuaskan</li> <li>• Tidak direkodkan sebagai Akaun Dibawah Pemerhatian Khas</li> </ul>
Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun dengan aktiviti perniagaan yang serupa.</li> <li>• Rekod CTOS dan CCRIS yang memuaskan</li> <li>• Tidak direkodkan sebagai Akaun Dibawah Pemerhatian Khas</li> <li>• Nilai aset bersih/dana pemegang saham yang positif</li> <li>• Nisbah Khidmat Kewangan (Finance Service Ratio, FSR) unjuran yang boleh diterima sebanyak (<math>\geq 1.25x</math>) dan penggearing (gearing ratio) (<math>\leq 5.0x</math>) untuk had pembiayaan ditentukan</li> </ul>
KOPERASI PKS
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993</li> <li>• Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun dengan aktiviti perniagaan yang serupa.</li> <li>• Rekod CTOS dan CCRIS yang memuaskan</li> <li>• Tidak direkodkan sebagai Akaun Dibawah Pemerhatian Khas</li> <li>• Nilai aset bersih/dana pemegang saham yang positif</li> <li>• Nisbah Khidmat Kewangan (Finance Service Ratio, FSR) unjuran yang boleh diterima sebanyak (<math>\geq 1.25x</math>) dan penggearing (gearing ratio) (<math>\leq 5.0x</math>) untuk had pembiayaan ditentukan</li> </ul>







Bank Pilihan Anda

- Penyata bank 6 bulan terkini.
- Sebarang dokumen yang boleh diterima dan diperlukan oleh Bank.

#### KOPERASI MIKRO

- Akaun yang diaudit sepanjang 2 tahun yang lalu atau akaun pengurusan yang terkini. (Tertakluk kepada ketersediaan)
- Penyata bank 6 bulan terkini.
- Simpan Kira Akaun/ Rekod Jualan Terkini yang dikemas kini untuk bagi 3 hingga 6 bulan lepas, atau mana-mana dokumen lain yang disahkan oleh pelanggan.
- Sebarang dokumen yang boleh diterima dan diperlukan oleh Bank.

#### 10) Adakah program ini mempunyai tawaran eksklusif untuk sebarang produk lain Bank?

Ya, terdapat beberapa tawaran produk yang tersedia untuk program BRPlus-i. Ini termasuk:

- 1) Kad Kredit-i Platinum Explorer/ Kad Kredit-i Muslimah (untuk usahawan wanita)
- 2) Pelan Takaful Amani Plus / Keyman Takaful (*best effort basis*)
- 3) Terminal Tempat Jualan (POS) (jika berkenaan) (Kos Terminal Sebenar, caj persediaan dan pemasangan mungkin dikenakan).

#### 11) Berapa lamakah proses kelulusan permohonan bagi program ini?

14 hari waktu bekerja.

#### 12) Berapa lamakah tempoh pembiayaan ini?

Sehingga dana peruntukan habis digunakan.

#### 13) Bagaimanakah cara untuk memohon pembiayaan ini?

Pelanggan boleh melayari <https://qr2e.bankrakyat.com.my> atau [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my) untuk maklumat lanjut. Pelanggan juga boleh menghubungi atau mengunjungi mana-mana Pusat Perbankan Perniagaan Bank Rakyat yang berdekatan.

